

# TREND DAN IMPLIKASI PELABURAN LANGSUNG ASING (FDI) CHINA DI MALAYSIA

*The Trend and Implications of China's Foreign Direct Investments (FDI) in Malaysia*

**Ibrahim Abdullah Zaik**

Interdisciplinary Research and International Strategy (IRIS) Institute  
(ibrahimzaik@iris.institute)

## ABSTRAK

Kajian ini meninjau trend pelaburan langsung asing (FDI) China di Malaysia serta implikasinya bagi menilai sejauh mana pelaburan China di Malaysia menepati aspirasi pembangunan negara. Kerajaan Malaysia berhasrat untuk menarik lebih banyak pelaburan berkualiti bagi memperkukuh kemampuan ekonomi dan melonjakkan pertumbuhan ekonomi Malaysia. FDI dari China di Malaysia semakin meningkat sejak 2015 dan kini mencatatkan FDI yang tertinggi bagi Malaysia. Pelaburan China di Malaysia bukan sahaja tertumpu dalam sektor tenaga dan hartanah malah semakin berkembang dalam sektor pengangkutan, pelancongan, pendidikan, teknologi, logam, kewangan, dan pertanian. Kajian ini mendapati pelaburan dari China membuka peluang pekerjaan dan perkongsian pengetahuan atau teknologi yang terhad kepada Malaysia. Sebaliknya, Malaysia membuka peluang pasaran baharu dan menjadi pembekal sumber alam bagi China. Selain itu, China juga meluaskan pengaruh atau kuasa lunaknya di Malaysia melalui hubungan ekonomi. Hasil kajian ini menyumbang kepada penilaian terhadap sejauh mana FDI di Malaysia memenuhi kepentingan nasional.

## KATA KUNCI:

*China, Malaysia, Pelaburan Langsung Asing (FDI), Ekonomi, Pengaruh*

Received: May 11, 2023

Accepted: Oct 22, 2024

Published Oct 30, 2024

**ABSTRACT**

*This study examines the trend and implications of China's foreign direct investments (FDI) in Malaysia, assessing how these investments align with the nation's development aspirations. Malaysia's government seeks to attract high-quality foreign investments to strengthen economic sustainability and drive national growth. Since 2015, FDI from China has surged, making China Malaysia's top FDI contributor. Chinese investments are no longer limited to the energy and real estate sectors but have expanded into sectors like transportation, tourism, education, technology, metals, finance, and agriculture. This study finds that Chinese investments offer Malaysia limited job opportunities and technology transfer. On the other hand, Malaysia offers China new market access and natural resources. Additionally, China has strengthened its soft power influence in Malaysia through these economic ties. These findings contribute to evaluating whether foreign investments align with Malaysia's national interests.*

**KEYWORDS:**

*China, Malaysia, Foreign Direct Investments, Economy, Influence*

**1.0 Pendahuluan**

Aspirasi Pelaburan Nasional Malaysia (NIA) telah menggariskan asas bagi pembaharuan dasar pelaburan negara dan berperanan sebagai kerangka pertumbuhan masa hadapan Malaysia dengan menarik pelaburan berkualiti tinggi ke dalam negara. Dasar pelaburan baharu ini berhasrat untuk mengejar teknologi tinggi dan pelaburan lestari, meningkatkan inovasi dan mencapai keseimbangan antara kelestarian ekonomi dan alam sekitar sambil mengurangkan kebergantungan Malaysia kepada tenaga kerja asing. Ia memberikan tumpuan kepada peningkatan kerumitan ekonomi, mewujudkan pekerjaan bernilai tinggi, meningkatkan hubungan domestik, membina kluster baharu dan sedia ada serta meningkatkan inklusiviti.

Kajian ini meneliti trend dan kesan pelaburan langsung asing (FDI) China di Malaysia khususnya sejauh mana FDI China di Malaysia memenuhi kepentingan nasional yang digariskan dalam Aspirasi Pelaburan Nasional Malaysia. Kajian IRIS Institute (2018) menunjukkan bahawa pelaburan-pelaburan China di pelbagai negara di bawah projek Belt and Road Initiative (BRI) merupakan strategi China untuk mengukuhkan kuasa ekonomi, menguasai sumber alam dan meningkatkan hegemoni China di peringkat global. Strategi ini turut disokong oleh pendekatan diplomasi dan kegiatan ketenteraan dalam usahanya merealisasikan impian *China Dream* menjadi kuasa besar dunia. Berkesinambungan daripada kajian tersebut, permasalahan utama kajian ini adalah bagaimana FDI China di Malaysia memberi kesan kepada landskap ekonomi dan sosial Malaysia, terutamanya dari segi peluang pekerjaan, perkongsian pengetahuan dan teknologi, akses pasaran dan sumber serta implikasi sosial dan kebudayaan.

Metodologi kajian ini melibatkan analisis data FDI China di Malaysia dari 2003 hingga 2023, yang diperoleh daripada pelbagai sumber seperti Penjejak Pelaburan Global China oleh American Enterprise Institute (AEI), pangkalan data MERICS BRI, serta laporan rasmi dan data agensi berkaitan. Kajian ini meneliti aliran FDI China di Malaysia dalam beberapa sektor utama dan impak pelaburan tersebut terhadap ekonomi serta aspek-aspek sosial dan budaya Malaysia.

Dapatan kajian menunjukkan bahawa FDI China di Malaysia telah melalui beberapa fasa perkembangan, dengan peningkatan ketara pada 2015 dan seterusnya. Peningkatan ini didorong oleh inisiatif seperti Belt and Road Initiative (BRI). Walau bagaimanapun, lonjakan pelaburan ini turut membawa implikasi yang kompleks bagi Malaysia. Antaranya adalah peluang ekonomi dan pekerjaan


tempatan yang terhad, kekangan dalam perkongsian teknologi, serta peningkatan pengaruh China dalam sektor pelancongan dan kebudayaan serta pendidikan TVET di Malaysia.

Kajian ini memberikan sumbangan penting kepada pemahaman mengenai kesan FDI China di Malaysia melalui pendekatan yang menyeluruh, merangkumi dimensi ekonomi, sosial, dan budaya. Dapatan kajian ini dapat menjadi rujukan bagi pembuat dasar dalam menilai faedah dan risiko berkaitan peningkatan FDI dari China, seterusnya merangka dan melaksanakan dasar yang menggalakkan pelaburan asing tanpa mengorbankan kepentingan nasional. Selain itu, kajian ini menyumbang kepada literatur akademik dengan menyediakan analisis mengenai pengaruh China terhadap landskap ekonomi dan sosial Malaysia. Kajian lanjut boleh dilakukan untuk meneliti implikasi FDI China di Malaysia terhadap alam sekitar dan kaitan antara hubungan ekonomi China-Malaysia dengan ketegangan geopolitik di Laut China Selatan yang boleh mengancam kedaulatan negara.

## 2.0 Trend Pelaburan China di Malaysia


Trend FDI China di Malaysia boleh dibahagikan kepada tiga fasa yang berbeza. Rajah 1 menunjukkan dari 2003 hingga 2006, FDI dari China ke Malaysia turun naik namun kekal rendah, dengan jumlah di bawah USD 10 juta kecuali pada 2005 yang mencatatkan peningkatan kepada USD 56.72 juta. Manakala, FDI China mencatatkan penurunan mendadak pada 2007 dengan nilai negatif sebanyak -32.82 juta. Seterusnya, dari 2008 hingga 2011, FDI China mula menunjukkan peningkatan sederhana. Pada 2008, jumlah FDI meningkat kepada USD 34.43 juta dan terus menunjukkan peningkatan hingga mencapai USD 95.13 juta pada 2011. Lonjakan ketara berlaku antara 2012 hingga 2014, dengan FDI melonjak kepada USD 199.04 juta pada 2012 dan meningkat drastik kepada USD 616.38 juta pada 2013. Walaupun mengalami sedikit penurunan pada 2014, FDI masih kekal tinggi pada USD 521.34 juta (2022 Statistical Bulletin of China's Outward Foreign Direct Investment, 2023).

**Rajah 1:** Trend FDI China di Malaysia dari 2003 hingga 2014



Rajah 2 menunjukkan aliran FDI China ke Malaysia mencatatkan lonjakan ketara pada tahun 2016, meningkat daripada sekitar USD 489 juta pada 2015 kepada USD 1.83 bilion. Kenaikan mendadak ini berlaku seiring dengan pertumbuhan pesat pelaburan langsung keluar China (ODI), yang pada tahun 2015 telah melepasi paras USD 100 bilion, mencapai USD 127.6 bilion. Pada 2016, ODI China terus melonjak, mencatatkan rekod tertinggi sebanyak USD 183.1 bilion dan merangkumi 12.6% daripada jumlah ODI global (2023 Statistical Bulletin of China's Outward Foreign Direct Investment, 2024).

**Rajah 2:** Trend FDI China di Malaysia dari 2015 hingga 2023



Faktor lain yang mendorong peningkatan ini adalah penubuhan Bank Pelaburan Infrastruktur Asia (AIIB), sebuah institusi yang ditubuhkan bagi membiayai projek-projek di bawah Inisiatif Jalur dan Jalan (BRI) dengan modal awal sebanyak USD 100 bilion. AIIB dan BRI berperanan penting dalam memperluas jaringan infrastruktur serta meningkatkan hubungan ekonomi di Asia, dengan Malaysia menjadi antara negara yang meraih pelaburan daripada usaha strategik ini.

Setelah mencatatkan peningkatan signifikan pada tahun 2016, aliran FDI China ke Malaysia mula menunjukkan penurunan antara tahun 2017 hingga 2019. Meskipun pernah mencecah USD 1.1 bilion, terendah dalam tempoh empat tahun, jumlah FDI China kekal tinggi, antara USD 1.6-1.7 bilion. Penurunan FDI ini mencerminkan ketidakpastian politik dan ekonomi di Malaysia selepas pilihan raya umum 2018 terutamanya yang melibatkan penangguhan dan proses kaji semula projek BRI China oleh Pakatan Harapan. Pada 2020, FDI di Malaysia mencatatkan penurunan ketara kepada USD 1.37 bilion. Penurunan ini merupakan kesan langsung daripada pandemik COVID-19 yang telah melumpuhkan ekonomi global serta menyekat aliran pelaburan antarabangsa. Walau bagaimanapun, FDI kembali menunjukkan pemulihan pada 2022 dengan peningkatan kepada USD 1.6 bilion. Pada 2023, FDI dari China kekal stabil meskipun mencatat sedikit penurunan kepada USD 1.43 bilion.

Menurut data Penjejak Pelaburan Global China yang diterbitkan oleh American Enterprise Institute (AEI) (2022), FDI dari China ke Malaysia lebih cenderung tertumpu dalam sektor tenaga berbanding sektor-sektor lain seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 1. Hal ini terlihat dalam salah satu transaksi terbesar sektor tenaga di Asia pada masa itu, iaitu perjanjian antara 1MDB dan anak syarikat China General Nuclear Power Corp (CGN Group) bagi penjualan saham dan aset tenaga milik 1MDB. Transaksi ini merangkumi pemindahan pemilikan Edra serta anak syarikatnya, termasuk Edra Solar Sdn Bhd, Edra Energy Sdn Bhd, Powertek Energy Sdn Bhd, Jimah Teknik Sdn Bhd, Jimah O&M Sdn Bhd, Mastika Lagenda Sdn Bhd, dan Tiara Tanah Sdn Bhd (syarikat operasi Edra), dengan nilai keseluruhan sebanyak RM 9.83 bilion. Pada peringkat global, China menyalurkan sebahagian besar

dana BRI ke sektor tenaga. Menurut Mercator Institute for China Studies (MERICS) (2019), kira-kira dua pertiga daripada perbelanjaan China untuk projek BRI yang telah disiapkan tertumpu kepada sektor tenaga, dengan jumlah pelaburan melebihi USD 50 bilion.

**Jadual 1:** FDI China di Malaysia mengikut sektor dari 2013 hingga 2024 (USD juta)

Sektor/Tahun	2013	2014	2015	2016	2017	2018	2019	2020	2021	2022	2023	2024
Pertanian	-	-	-	-	280	-	-	-	-	-	-	-
Pengangkutan	610	-	280	-	110	-	-	-	-	-	1300	-
Pelancongan	-	-	-	1680	-	-	-	-	-	-	-	-
Hartanah	1370	200	660	210	280	840	500	110	-	-	-	-
Teknologi	-	-	370	-	-	440	-	-	-	-	320	100
Tenaga	380	-	5360	340	-	140	140	320	-	-	570	-
Kewangan	-	-	-	-	120	-	-	-	-	100	-	170
Logam	650	-	-	290	-	-	-	-	-	210	-	1910
Logistik	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	790	-
Lain-lain	190	200	-	-	-	-	590	140	300	940	-	-
Jumlah	3200	400	6670	2520	790	1420	1230	570	300	1250	2980	2180

Nota: Jadual ini hanya merekodkan transaksi yang melebihi USD 100 juta

Kehadiran pelabur hartanah dari China, seperti Guangzhou R&F Properties, Xinyi Glass, Shanghai Greenland, Zhuzhou Kibing, Country Garden, Agile Property, China Communications Construction, dan China Railway Engineering, telah menjadi pemangkin utama dalam pasaran hartanah Malaysia, khususnya di Johor, antara tahun 2013 hingga 2020 (AEI, 2022). Pelaburan strategik oleh syarikat-syarikat ini bukan sahaja merencanakan industri hartanah tempatan, malah turut menarik lebih banyak syarikat dari China untuk melabur dan beroperasi di Malaysia. Perkara ini meningkatkan pengaruh China dalam pasaran hartanah negara seperti penumpuan jenis hartanah perumahan mewah, peningkatan harga hartanah dan pemilikan hartanah oleh warga asing (IRIS Institute, 2024c).

Secara keseluruhan, FDI China di Malaysia mula menunjukkan pertumbuhan sejak tahun 2003, namun peningkatannya lebih mendadak selepas krisis kewangan global pada tahun 2008. Sejak tahun 2015, China mula mendominasi FDI di Malaysia, bersaing rapat dengan negara-negara lain seperti Singapura, Belanda, dan Amerika Syarikat. Walaupun dasar ekonomi China memainkan peranan penting dalam memacu peningkatan FDI ini, impaknya tidak semestinya menjamin faedah atau keuntungan yang seimbang untuk Malaysia. Sebaliknya, China lebih cenderung mengambil peluang untuk memperoleh sumber alam, membuka pasaran baharu, dan memperluas pasaran eksportnya, yang berisiko membawa kepada ketidakseimbangan dalam hubungan ekonomi Malaysia-China.

### 3.0 Implikasi Pelaburan China di Malaysia

Kajian ini menilai sejauh mana peningkatan FDI dari China memberi kesan positif atau negatif kepada Malaysia dengan melihat beberapa indikator utama iaitu peluang pekerjaan serta perkongsian pengetahuan dan teknologi. Pada masa sama, objektif FDI China iaitu pencarian pasaran dan sumber baharu turut diambil kira dalam menilai implikasi FDI China terhadap Malaysia. Kajian ini juga melihat kesan FDI kepada landskap pelancongan dan kebudayaan serta pendidikan TVET di Malaysia.

#### 3.1 Peluang Pekerjaan

Kajian terbitan IDEAS yang bertajuk “*Impacts of Investment from China in Malaysia on the Local Economy*” merungkai sejauh mana peluang penglibatan syarikat atau pekerja tempatan dalam FDI China dengan menilai struktur projek pembinaan infrastruktur yang melibatkan proses pemilihan syarikat holding hingga subkontraktor dalam projek-projek mega China di Malaysia. Rajah 3 menunjukkan struktur tipikal dalam projek pembinaan infrastruktur di Malaysia (Todd & Slattery, 2018).

**Rajah 3:** Struktur tipikal bagi projek pembinaan infrastruktur di Malaysia (Todd & Slattery, 2018)

Dapatan kajian Todd & Slattery (2018) menggambarkan meskipun syarikat tempatan berjaya mendapat kedudukan di peringkat syarikat induk melalui pemilikan bersama dengan syarikat dari China, syarikat-syarikat dari China sering diutamakan pada peringkat kontraktor dan subkontraktor. Keutamaan ini dikaitkan dengan beberapa faktor seperti keupayaan syarikat China untuk mengendalikan projek berskala besar, menyediakan harga yang kompetitif dengan margin yang rendah, kemahiran dan perbezaan amalan kerja pekerja China dan tempatan, perbezaan budaya, halangan bahasa, kapasiti syarikat tempatan untuk memenuhi permintaan projek, dan agenda kerajaan China yang ingin memaksimumkan peluang ekonomi untuk warga China.

Pada tahun kemasukan FDI dari China mencatatkan jumlah yang signifikan, peratusan projek yang dianugerahkan kepada kontraktor asing turut meningkat daripada 12 peratus pada 2012 kepada 37 peratus pada 2016 dengan kontraktor China mewakili bahagian terbesar daripada peratusan itu. Selain itu, syarikat tempatan dilaporkan hanya menerima sekitar 30 peratus kuota dalam projek pembinaan China-Malaysia hasil daripada rundingan antara kerajaan Malaysia dan syarikat China. Keadaan ini membawa kepada peningkatan penggunaan tenaga kerja dari China berbanding pekerja tempatan. Pada 2017, Jabatan Imigresen Johor dilaporkan telah mengeluarkan permit kerja sementara kepada 2,485 warga China, di samping 1,682 warga negara tersebut yang memegang pas pekerjaan dan lawatan profesional bagi empat lokasi pembinaan di Johor (Todd & Slattery, 2018).

### 3.2 Perkongsian Pengetahuan dan Teknologi

Kegagalan menempatkan syarikat tempatan di kedudukan strategik dalam projek-projek pelaburan China di Malaysia telah menyebabkan hampir tiada pemindahan pengetahuan dan teknologi kepada pekerja dan syarikat tempatan. Hal ini berlaku kerana pekerja dan syarikat tempatan sering dikesampingkan daripada aktiviti berkemahiran tinggi, seperti reka bentuk projek, seni bina, dan khidmat perundingan. Sebaliknya, mereka lebih kerap diberi peranan berkemahiran rendah, seperti penyediaan perkhidmatan sokongan (pengangkutan, perkapalan, pengurusan sampah, atau catering) dan buruh (pembinaan dan pemanduan).

Bekas duta China ke Malaysia, Dr Huang Huikang pernah menjelaskan mengapa syarikat China lebih diutamakan berbanding syarikat tempatan sebagai kontraktor atau subkontraktor. Dalam sesi wawancara bersama Sunday Star, Dr Huang menyebut syarikat China sedang menjalankan projek mega yang tidak mampu dilakukan oleh firma tempatan, kerana mereka memerlukan keperluan teknikal

bertaraf dunia. Syarikat-syarikat China adalah pemain industri terkemuka bertaraf dunia dengan kepakaran teknikal yang canggih (China investments transforming Malaysia, 2017).

Tambah beliau, “anda boleh melihatnya melalui dua contoh. Jambatan kedua Pulau Pinang, sebuah model unggul dalam pembinaan jambatan, memperlihatkan tahap kepakaran yang tinggi. Namun, firma tempatan masih belum mencapai tahap sedemikian. Dalam pembinaan Tun Razak Exchange (TRX), syarikat China kami berjaya menyiapkan satu tingkat dalam tempoh tiga hari. Sebagai perbandingan, Menara Berkembar Petronas yang dibina oleh syarikat Korea dan Jepun pada tahun 1990-an mengambil masa satu bulan untuk setiap tingkat” (China investments transforming Malaysia, 2017).

Perkara sama berlaku dalam projek Melaka Gateway apabila anak syarikat PowerChina, SinoHydro Limited (M) Sdn Bhd, dipilih sebagai kontraktor kejuruteraan, perolehan, dan pengurusan pembinaan (EPC) kerana kemahiran teknikal yang dimiliki firma China tersebut. Sementara itu, dalam projek Pelabuhan Kuantan dan Taman Perindustrian Kuantan Malaysia-China (MCKIP), syarikat tempatan hanya ditempatkan dalam peranan perkhidmatan sokongan seperti pengangkutan dan kerani. Keadaan ini menyebabkan syarikat tempatan tidak mendapat peluang untuk mempelajari kemahiran teknikal dan teknologi canggih yang digunakan oleh syarikat China (Todd & Slattery, 2018).

### 3.3 Akses Pasaran dan Sumber

Perjanjian FDI lazimnya melibatkan pertukaran manfaat antara negara. Dalam konteks FDI China di Malaysia, Malaysia menyediakan akses kepada tanah, tenaga kerja, elektrik, air, dan sumber-sumber lain dengan kos yang murah. Sebagai balasan, syarikat-syarikat China membawa masuk pelaburan mereka. Contoh jelas yang dapat dilihat adalah pada pembangunan pesat pusat data di Johor yang faktor tarikan utamanya adalah akses kepada sumber-sumber air, tenaga dan tanah yang murah bagi syarikat asing (IRIS Institute, 2024d; IRIS Institute, 2024e). Ini turut terjadi dalam pembangunan Taman Perindustrian Tenaga Boleh Baharu (TBB) berkeluasan 40 ekar di Johor, salah satu projek mega di bawah National Energy Transition Roadmap (NETR) yang direka khas bagi memenuhi taman perindustrian tersebut dengan syarikat pembekal dan pengeluar daripada China (IRIS Institute, 2024g). Begitu juga dengan Taman Reka Bentuk Litar Bersepadu Semikonduktor pertama di Malaysia yang dilaporkan diwujudkan bagi menampung dan memudahkan syarikat reka bentuk litar bersepadu (IC) asing termasuk daripada China yang berperanan sebagai penyewa utama (IRIS Institute, 2024i).

Pelaburan China di luar negara didorong oleh tekanan yang dialaminya di peringkat domestik dan antarabangsa. Tekanan ini timbul dari krisis perang perdagangan dengan Amerika Syarikat sejak 2018, penutupan ekonomi China ketika pandemik Covid-19, dan lebihan kapasiti dalam ekonomi domestik China yang memaksa mereka untuk mengeksport lebihan pengeluaran, menempatkan kilang mereka di luar negara, dan mencari pasaran pembinaan baharu (Camba, 2023). Kesannya, syarikat-syarikat tempatan yang kebanyakannya mempunyai sumber kewangan yang terhad menghadapi persaingan yang kuat dalam pasaran tempatan dan kebanyakannya tersisih dalam perebutan tender projek kerana tidak mampu menawarkan harga yang lebih kompetitif berbanding syarikat China. Pada masa sama, masyarakat awam turut mengalami kesulitan kerana perlu berkongsi sumber alam seperti tanah, air dan elektrik yang akhirnya menyebabkan ketidakcukupan bagi penduduk tempatan (Camba, 2023).

Selain itu, pelaburan di luar negara membolehkan China mendapat akses kepada sumber mentah baharu melalui projek-projek penting. Pada tahun 2014, China Energy H City Realty Investment Co. Ltd. (China Energy) dan Merapoh Resources Corp Sdn Bhd memeterai perjanjian untuk pembangunan kilang penapis minyak mentah di Kedah. Dalam perjanjian ini, China Energy menjadi pemegang saham terbesar sebanyak 70% (Yeoh, Chang & Zhang, 2018). Perjanjian ini akan menyaksikan sumber minyak mentah dieksport ke China selepas melalui proses tapisan di Kedah oleh Merapoh. Dua tahun berikutnya, Shandong Hengyuan Petrochemical membeli 51% kepentingan dalam Shell Refining Co. Ltd. Malaysia yang menjadikan mereka salah satu syarikat China yang memiliki aset kilang penapisan minyak mentah di Malaysia (Yeoh, Chang & Zhang, 2018). Pada tahun yang sama, Edra Global Energy Bhd, anak syarikat 1Malaysia Development Bhd (1MDB) menjual 100% saham mereka kepada China General Nuclear Power Corp dan anak syarikatnya (CGN Group) pada nilai RM9.83 bilion (Yuan, 2015).

### 3.4 Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET)

Malaysia meneruskan dasar pandang ke Timur dengan mengukuhkan hubungan strategik bersama China. Jika sebelum ini Malaysia lebih memberi tumpuan kepada hubungan dengan Jepun dan Korea, kini China semakin mendapat tempat sebagai rujukan utama, khususnya dalam bidang pendidikan dan kebolehpasaran graduan. Malaysia telah melaksanakan pelbagai inisiatif untuk memperkasakan Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) melalui kerjasama dengan China. Pada 9 November 2023, Malaysia dan China bersetuju untuk menubuhkan sebuah institusi Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) yang dikenali sebagai Malaysia-China Institute (MCI). Melalui MCI, pelajar TVET dari Malaysia akan dihantar ke China dan diberi latihan dalam bidang-bidang yang dipelopori China seperti kenderaan elektrik (EV), teknologi solar, digital dan ICT, e-dagang, elektrik dan elektronik, teknologi rel, perkhidmatan berkaitan pengeluaran (MRS), serta pemesinan dan perkakasan (IRIS Institute, 2024b). Pada tahun 2024, pelbagai inisiatif pemeraksanaan TVET diperkenalkan dengan penekanan kepada industri dan kemahiran yang berpaksikan kepada industri China. Pendekatan ini menjadikan pendidikan TVET di Malaysia lebih selaras dengan keperluan pasaran yang berorientasikan China (IRIS Institute, 2024c; IRIS Institute, 2024f).

Walaupun inisiatif ini membuka peluang perkongsian pengetahuan dalam teknologi canggih dari China, terdapat kebimbangan bahawa manfaat utamanya lebih memihak kepada China. Menurut Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Ahmad Zahid Hamidi, semua pelajar tempatan yang menjalani latihan ini akan diserap masuk oleh 220 syarikat China yang beroperasi di Malaysia (IRIS Institute, 2024c). Beliau turut menyatakan, "Mereka (China) menawarkan peluang kepada pelajar TVET tempatan untuk mempelajari bidang kritikal ini. Modul yang digunakan adalah dari China dan 100 peratus pelajar yang dilatih di institusi TVET ini akan diambil bekerja oleh syarikat China di negara ini." (IRIS Institute, 2024b). Situasi ini menunjukkan bahawa pembangunan institusi TVET MCI dan pelbagai inisiatif TVET ini lebih memberi manfaat kepada bekalan tenaga buruh bagi syarikat-syarikat China berbanding menyumbang secara langsung kepada pembangunan keupayaan industri tempatan.

### 3.5 Sosial dan kebudayaan

Salah satu kelemahan dalam kebanyakan analisa implikasi FDI adalah penumpuan terhadap impak ekonomi semata-mata tanpa mengambil kira kesan dominonya dalam sektor atau aspek lain. Selain kesan ekonomi, FDI China di Malaysia turut memberi kesan terhadap landskap sosial dan kebudayaan di Malaysia. Contoh ketara ialah pembangunan bandar di Melaka yang disokong pelaburan dan pinjaman dari China. Untuk mendapat sokongan kerajaan China dan meraih manfaat daripada projek Melaka Gateway, Yong Tai Berhad berusaha menyelaraskan pembangunan Impression City di Kota Laksamana, Melaka sebagai sebahagian daripada inisiatif BRI dengan mempromosikan kebudayaan China (IRIS Institute, 2024h).

Yong Tai telah mengumumkan projek "China-Element" pada 2021 melalui kerjasama dengan Opustique Infinity Limited (OIL), Cheng Ho International Trade Centre and Culture City Centre Sdn Bhd (CHENGHO), dan Oriental Impression City Development Sdn Bhd (ORIENTAL). Projek ini mengangkat elemen kebudayaan China seperti Menara China-ASEAN, perpustakaan China, institut latihan untuk perubatan tradisional Cina, pusat pawagam skrin besar China, kolej antarabangsa China, dan pusat pertukaran budaya China-ASEAN (Bursa Malaysia, 2021). Yong Tai turut membina Encore Melaka, sebuah teater terbesar di Asia yang direka oleh Wang Ge, seorang arkitek dari Institut Reka Bentuk Seni Bina Beijing. Menurut portal AidData yang menjejak pendanaan pembangunan China, Bank of China telah menyuntik dana sebanyak RM 100 juta untuk pembangunan teater ini (Custer et al., 2023). Penglibatan China bukan sahaja dalam aspek pembiayaan tetapi juga pengoperasian, dengan pelantikan Wang Chaoge, seorang warganegara China sebagai ketua pengarah teater tersebut (Hadi Azmi, 2024). Pada 10 Jun 2024, Yong Tai menandatangani perjanjian dengan Sichuan Tourism Investment Group (STIG), syarikat milik kerajaan China, untuk menguruskan operasi Encore Melaka, termasuk penjadualan persembahan, publisiti, pemasaran tiket, dan penyediaan laporan kewangan (Yiau, 2024). Ini menunjukkan usaha serius mempromosikan kebudayaan China di Malaysia.

Selain itu, peningkatan kemasukan pekerja dan pelancong asing dari China membawa kepada pelbagai cabaran sosial di Malaysia. Warga China merupakan peserta program Malaysia Rumah Keduaku

(MM2H) di bawah Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC) yang paling ramai (IRIS Institute (2024a). Trend banjir warga China di Malaysia semakin membimbangkan berikutan peningkatan dua kali ganda warga China di Malaysia daripada 82,000 orang pada 2022 kepada 150,000 orang pada 2024. Perkara ini menimbulkan pelbagai isu seperti persaingan pasaran kerja, kenaikan harga hartanah dan integrasi budaya (Pakar ingatkan Putrajaya kesan di sebalik kempen agresif tarik rakyat China, 2024). Perkara ini juga telah mencetuskan polemik dalam masyarakat Malaysia khususnya kaum Melayu yang melihat identiti dan kebudayaan nasional tercabar (Gerakan Pengundi Sedar, 2021; NASIONALIS bimbang MM2H jadikan Melayu kaum minoriti di negara sendiri, 2024).

#### 4.0 Kesimpulan

Trend FDI dari China di Malaysia telah melalui beberapa fasa penting, bermula dengan jumlah yang kecil dan tidak konsisten pada awal tahun 2000-an, sebelum mengalami lonjakan besar selepas krisis kewangan global 2008 dan khususnya dari tahun 2015. Pertumbuhan FDI ini sejajar dengan dasar-dasar luar China seperti Inisiatif Jalur dan Laluan (BRI) dan Bank Pelaburan Infrastruktur Asia (AIIB), di mana Malaysia mendapat perhatian sebagai destinasi strategik pelaburan China. FDI China di Malaysia semakin berkembang dalam pelbagai sektor dan tertumpu dalam sektor-sektor strategik seperti tenaga dan hartanah, terutamanya melalui pelbagai projek berskala besar yang melibatkan syarikat China, termasuklah transaksi bernilai tinggi dalam sektor tenaga dan hartanah.

Walau bagaimanapun, FDI China di Malaysia membawa pelbagai isu terutamanya dalam peluang pekerjaan dan pemindahan teknologi yang terhad, eksploitasi sumber serta dominasi budaya China dalam projek-projek yang melibatkan pelaburan dari China. Kajian menunjukkan bahawa meskipun syarikat tempatan terlibat dalam projek-projek pelaburan China di Malaysia, peranan mereka lebih tertumpu kepada kerja berkemahiran rendah. Ini mengurangkan potensi pemindahan teknologi kepada pemain industri tempatan. Malah, sektor pelancongan dan pendidikan TVET juga kini lebih mengikut orientasi China. Perkara ini dapat dilihat dalam inisiatif mengangkat kebudayaan China dalam pelancongan di Malaysia serta kerjasama institusi TVET untuk menyediakan tenaga kerja tempatan bagi memenuhi keperluan pemain industri China.

Secara keseluruhan, meskipun pelaburan China membawa nilai ekonomi yang tinggi, kebimbangan timbul mengenai impak jangka panjangnya terhadap pembangunan ekonomi negara, keupayaan industri tempatan, kemandirian teknologi serta hegemoni kebudayaan China di Malaysia. Hubungan ekonomi China-Malaysia perlu dilihat dalam kerangka yang lebih besar seperti yang digambarkan dalam kajian IRIS Institute (2018) di mana China menggunakan strategi ekonomi sebagai salah satu strategi China untuk mencapai cita-cita *China Dream* menjadi sebuah kuasa besar dunia. Kajian lanjut boleh dilakukan untuk meneliti kaitan antara hubungan ekonomi China-Malaysia dengan ketegangan geopolitik di Laut China Selatan yang boleh mengancam kedaulatan negara.

#### Penghargaan

Kajian ini tidak menerima sebarang geran dari mana-mana pihak. Penulis ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada IRIS Institute serta semua pihak yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam menjayakan kajian ini.

## Rujukan

2022 Statistical Bulletin of China's Outward Foreign Direct Investment. (2023). Ministry of Commerce of the People's Republic of China, National Bureau of Statistics, State Administration of Foreign Exchange.

2023 Statistical Bulletin of China's Outward Foreign Direct Investment. (2024). Ministry of Commerce of the People's Republic of China, National Bureau of Statistics, State Administration of Foreign Exchange.

American Enterprise Institute (AEI). (2022). [China Global Investment Tracker](#).

Bursa Malaysia. (2021). [Collaboration Agreement Between Yong Tai Berhad, Opustique Infinity Limited, Cheng Ho International Trade Centre and Culture City Centre Sdn Bhd and Oriental Impression City Development Sdn Bhd](#).

Camba, A. (2023). Cementing development and (un)steeling decarbonization: The political economy of infrastructure drive in Duterte's Philippines. *Energy Research & Social Science*, 96, 102933. doi:<https://doi.org/10.1016/j.erss.2022.102933>

China investments transforming Malaysia. (2017, Sept 10). The Nation. <https://www.nationthailand.com/international/30326309>

Custer, S., Dreher, A., Elston, T.B., Escobar, B., Fedorochko, R., Fuchs, A., Ghose, S., Lin, J., Malik, A., Parks, B.C., Solomon, K., Strange, A., Tierney, M.J., Vlasto, L., Walsh, K., Wang, F., Zaleski, L., and Zhang, S. (2023). [Tracking Chinese Development Finance: An Application of AidData's TUFF 3.0 Methodology](#). Williamsburg, VA: AidData at William & Mary.

Gerakan Pengundi Sedar. (2021, Ogos 26). [Identiti China di Melaka](#). Instagram.

Hadi Azmi. (2024, Ogos 17). [Malaysia courts Chinese tourists with lavish Encore Melaka mega-theatre, unsettling locals](#). South China Morning Post (SCMP).

IRIS Institute. (2018). *Penchinaan Malaysia: Tergadaikah tanah kedaulatan bangsa?* IRIS Institute.

IRIS Institute. (2024a, April 15). [Trend Kemasukan Warga Asing Terutamanya Dari China Melalui program MM2H](#). Fokus.my.

IRIS Institute. (2024b, Februari 21). [Kerajaan hantar pelajar Malaysia ikuti modul TVET di China, bakal untungkan syarikat China di Malaysia](#). Fokus.my.

IRIS Institute. (2024c, Julai 18). [Kebergantungan Malaysia terhadap China dalam pembangunan pendidikan TVET](#). Fokus.my.

IRIS Institute. (2024d, Jun 13). Trend penjualan tanah kepada pusat data asing meningkat di johor, syarikat hartanah cina antara yang peroleh keuntungan besar. Fokus.my.

IRIS Institute. (2024e, Jun 26). [Peranan Zon Ekonomi Khas Johor-Singapura \(JS-SEZ\) Dalam Memenuhi Keperluan Nasional Singapura](#). Fokus.my.

IRIS Institute. (2024f, Mei 14). Usaha memperkasakan pendidikan TVET untuk kelangsungan Projek BRI China, 30 CEO institusi TVET swasta dihantar ke China. Fokus.my.

IRIS Institute. (2024g, Mei 20). [UEM Sunrise, ITRAMAS dan China Machinery bangun taman tenaga boleh diperbaharui di Johor, bakal penuhi rantaian nilai dengan syarikat pembekal dan pengeluar China](#). Fokus.my.

IRIS Institute. (2024h, Ogos 21). [Yong Tai Berhad bangun bandar dan teater beridentitikan China di Melaka dengan bantuan pelaburan China](#). Fokus.my.

- IRIS Institute. (2024i, Oktober 14). [Lima syarikat China penuhi taman tenaga boleh baharu Johor, tingkatkan pengaruh China dalam industri TBB negara](#). Fokus.my.
- Mercator Institute for China Studies (MERICS). (2019). [Powering the Belt and Road](#).
- NASIONALIS bimbang MM2H jadikan Melayu kaum minoriti di negara sendiri. (2024, Okt 9). TV Pertiwi. [https://tvpertiwi.com/2024/10/09/nasionalis-bimbang-mm2h-jadikan-melayu-kaum-minoriti-di-negara-sendiri/#google\\_vignette](https://tvpertiwi.com/2024/10/09/nasionalis-bimbang-mm2h-jadikan-melayu-kaum-minoriti-di-negara-sendiri/#google_vignette)
- Pakar ingatkan Putrajaya kesan di sebalik kempen agresif tarik rakyat China. (2024, Ogos 12). MalaysiaNow. <https://www.malaysianow.com/my/news/2024/08/12/pakar-ingatkan-putrajaya-kesan-di-sebalik-kempen-agresif-tarik-rakyat-china>
- Todd, L., & Slattery, M. (2018). Impacts of Investment from China in Malaysia on the Local Economy 2(54). IDEAS Policy Paper No. 53. Institute for Democracy and Economic Affairs (IDEAS).
- Yeoh, E. K-K., Chang, L., & Zhang, Y. (2018). China–Malaysia Trade, Investment, and Cooperation in the Contexts of China–ASEAN Integration and the 21st Century Maritime Silk Road Construction. *Chinese Economy*, 51(4), 298-317. DOI:[10.1080/10971475.2018.1457318](https://doi.org/10.1080/10971475.2018.1457318)
- Yiau, C. N. (2024, Jun 10). [Yong Tai partners with China's STIG to revive Encore Melaka theatre](#). The Edge.
- Yuan, G C. (2015, Nov 24). [1MDB sells power assets to CGN Group for RM9.83b](#). The Edge.